

## **Kesejahteraan Hidup Subjektif : Pengaruh Elemen Ekonomi dan Bukan Ekonomi**

Azizah Md Yusof  
E-mel: azizah@uum.edu.my

Jamal Ali  
E-mel: jamalali@uum.edu.my

Roslina Kamarudin  
E-mel: [roslina\\_k@uum.edu.my](mailto:roslina_k@uum.edu.my)

### **ABSTRAK**

Matlamat menjadi sebuah negara maju berasaskan perindustrian menjelang tahun 2020 bukan merupakan suatu agenda baru malah semenjak zaman pemerintahan Perdana Menteri keempat, Tun Mahathir Mohammad lagi, dasar ini telah pun dilancarkan. Antara intipati yang terkandung dalam dasar tersebut adalah meningkatkan taraf hidup masyarakat berpendapatan rendah. Malah peningkatan taraf hidup ini merupakan salah satu agenda yang tersenarai dalam Program Transformasi Kerajaan dan terkandung dalam salah satu dari enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang menjadi pemangkin dalam mencapai matlamat negara maju tersebut. Bukan sahaja Malaysia yang menitikberatkan soal kesejahteraan hidup ini malah kebanyakan negara maju telah menjadikannya sebagai salah satu agenda dalam pembangunan negara mereka. Perkara ini juga pernah disuarakan oleh mantan Perdana Menteri kita, Tun Mahathir yang mengatakan, meskipun kesejahteraan hidup bukanlah merupakan salah satu petunjuk penting ekonomi namun kebanyakan negara kini telah mula memberikan perhatian terhadap soal ini kerana kemajuan sesebuah negara itu hanya boleh diukur berdasarkan kualiti hidup rakyatnya yang bertambah baik secara berterusan. Tan Seri Muhyiddin pula berkata, di Malaysia, kumpulan masyarakat petani merupakan salah satu kumpulan yang perlu diberikan perhatian kerana meskipun negara kita dikenali sebagai sebuah ekonomi yang berjaya oleh Bank Dunia namun, masih terdapat kumpulan masyarakat petani khususnya yang masih belum mengecap nikmat pembangunan tersebut dan mereka seolah-olah berada di pinggir proses pembangunan negara (Mohd Shaladdin et al, 2006). Kini, enam tahun berbaki sebelum matlamat tersebut sepatutnya dicapai, di manakah kedudukan kita sama ada dari sudut ekonomi mahu pun bukan ekonomi. Mampukah negara kita merealisasikan matlamat meningkatkan kesejahteraan hidup golongan petani khususnya dan masyarakat seluruhnya, amnya. Kegagalan meningkatkan kesejahteraan hidup mereka bermaksud kita akan gagal dalam mencapai matlamat Negara Maju pada tahun 2020. Kesejahteraan hidup bukan sahaja diukur dari sudut objektif (ekonomi) malah dari sudut subjektif (elemen bukan ekonomi). Justru, kajian tentang kesejahteraan hidup petani perlu dilakukan bagi memastikan tahap kesejahteraan hidup mereka seiring dengan matlamat dasar-dasar pembangunan yang dijalankan selama ini. Kajian ini cuba mengupas bagaimana kedudukan kesejahteraan hidup subjektif golongan petani di kawasan penanaman padi sekitar negeri Perlis serta cuba mengenalpasti item-item yang menyumbang kepada kesejahteraan hidup subjektif tersebut. Berpandukan pendekatan analisis kehidupan lestari (AKL), data-data dan maklumat yang dikumpul dianalisis menggunakan analisis pengesahan faktor (CFA). Hasil kajian mendapati tingkat kesejahteraan hidup subjektif petani padi di kawasan MADA Perlis merupakan konstruk dalam bentuk susunan peringkat kedua dengan empat sub-konstruk iaitu ekonomi, kesihatan, pendidikan dan sosial. Setiap sub-konstruk diwakili pula oleh item-item tertentu. Ini bermaksud, elemen bukan ekonomi juga penting dan perlu diberi perhatian dalam usaha kita untuk meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat keseluruhannya. Skor tahap kesejahteraan hidup subjektif adalah 0.71 bermaksud petani merasakan tahap kesejahteraan hidup mereka adalah 71 peratus dari tahap maksimum.

Kata kunci: Kesejahteraan Hidup subjektif, Analisis Kehidupan Lestari, Analisis Pengesahan Faktor, Penganggaran Kebolehhajian Maksimum.

## ABSTRACT

*The aim to become a developed nation in year 2020 is not a new agenda since it was announced by our forth Prime Minister Tun Mahathir Mohamad. Among the aims of the policy is to enhance the standard of living for lower income society. Enhancing the standard of living is one of the agenda listed in Government Transformation Program (GTP) and also one of the branches in National Key Result Area (NKRA) which become a catalyst in order to achieve a status of developed nation. The agenda of enhancing standard of living or well-being is not only important in Malaysia but also in most of developed country. In fact, this was expressed by our former Prime Minister, Tun Mahathir Mohamad, which said, eventhough well-being is not an important economic indicators, but many countries have now started paying an attention to this matter. This is because the development progress of a country can only be measured by the level of well-being of their society. The higher the level of the well-being, the higher the level of country's development. Tan Sri Muhyiddin also said that in Malaysia, the farming community is one of the groups that need to be addressed. Even though our economic achievement was recognised by World Bank, but there are still a group of farming societies specifically which is out of the economic development's streams (Mohd Shaladdin et al, 2006). Now, six years left before the year 2020, where are we Malaysian, in terms of economic and non-economic achievement. Can the aim of increasing the farmers' well-being become true. Failure in doing so will also affect our journey towards a developed nation in year 2020. Well-being not only being measured objectively (economic elements) but also subjectively (non-economic elements). Thus, a study of farmers' well-being is important in order to ensure that their well-being level is at least in line with the goal of development policy carried out over the years. This study tried to reveal the well-being of the farmers' in rice growing areas around the state of Perlis and try to identify the items that contribute to the well-being. Based on sustainable livelihood approach, data and information were analyzed using confirmatory factor analysis (CFA). Result showed that MADA farmers' subjective well-being construct was a second order construct with four sub-construct which is economic, health, education and social. Each sub-construct was represented by specific items. The finding proved that a non-economic elements also important and should be giving a special attention in order to achieve higher level of societies well-being as a whole. The well being index score was 0.71 means that farmers feel that their well being are 71 percent from the maximum level.*

*Key words: subjective well-being, sustainable livelihood analysis, confirmatory factor analysis, maximum likelihood estimation.*

## PENGENALAN

Konsep kesejahteraan hidup merupakan satu proses dinamik yang memberikan nilai kepada manusia tentang bagaimana kehidupan mereka berkembang sama ada bertambah baik atau sebaliknya. Meskipun ia mempunyai dimensi yang pelbagai namun secara tradisinya ia diukur melalui petunjuk ekonomi iaitu tingkat pendapatan (Fabrica dan David, 2010). Pengukuran demikian merupakan pengukuran bagi kesejahteraan hidup objektif. Namun demikian, timbul persoalan tentang ketepatan pendapatan sebagai ukuran kesejahteraan hidup. Ini menyebabkan pengukuran lain diambil kira dalam menilai kesejahteraan hidup masyarakat iaitu kesejahteraan hidup subjektif, yang mengambil kira perasaan dan pengalaman sebenar dalam pengukurannya (Rabobank, 2011). Frey and Stutzer (2002) mengatakan individu sebagai hakim yang terbaik untuk menilai kesejahteraan hidup mereka dan penilaian dibuat dengan cara bertanya secara terus kepada mereka tentang kesejahteraan hidup mereka. Pengukuran secara subjektif juga merangkumi aspek yang lebih luas dan menyeluruh seperti pendapatan dan pengagihan, persekitaran kerja, pengangkutan dan komunikasi, kesihatan, pendidikan, perumahan, alam sekitar dan kehidupan (Norizan, 2003). Pengukuran kesejahteraan hidup dilakukan berdasarkan petunjuk-petunjuk tertentu dan ia berbeza di antara kumpulan masyarakat yang berbeza.

Kesejahteraan hidup merupakan aspek yang semakin diberi penekanan dalam pengukuran kejayaan sesebuah dasar (Mohd Shaladdin et al. 2006). Meskipun Malaysia berhasrat menjadi sebuah negara maju berasaskan perindustrian menjelang tahun 2020 nanti, namun sektor pertanian masih tidak boleh dinafikan sumbangannya terhadap ekonomi negara sama ada dari sudut pendapatan negara secara keseluruhan mahupun dari sudut peluang pekerjaan. Justeru, kajian tentang golongan petani amat penting terutama berkaitan aspek kesejahteraan hidup memandangkan pentingnya kesejahteraan hidup itu sebagai syarat menjadi sebuah negara maju. Sebelum Malaysia diiktiraf sebagai negara maju, perlu terlebih dahulu setiap negeri mencapai taraf negeri maju. Perlis adalah negeri yang dipilih dalam kajian ini dan sektor pertanian yang dipilih adalah sektor padi.

Sektor padi dan beras masih diberikan penumpuan memandangkan beras merupakan makanan ruji kita di samping alasan keselamatan makanan. Pelbagai sokongan yang dizahirkan dalam bentuk dasar telah dilaksanakan dalam sektor ini. Antaranya Dasar Pertanian Negara Pertama (DPN 1) 1984-1991, Dasar Pertanian Negara kedua (DPN 2) 1992 – 1997 dan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN 3) 1998- 2010. Kini episod Dasar Pertanian Negara telah pun berakhir dan kerajaan memperkenalkan pula Dasar Agromakanan Negara (DAN) untuk tempoh sepuluh tahun bermula 2011-2020. Dari sudut produktiviti padi, hasil dasar-dasar tersebut dapat dilihat dalam perubahan jumlah pengeluaran padi untuk setiap tahun. Jadual 1 menunjukkan peratus perubahan dalam pengeluaran padi untuk setiap wilayah MADA dari musim dua tahun 2002 hingga musim dua tahun 2013.

Dari jadual tersebut dapat dilihat peratus perubahan produktiviti padi adalah tidak stabil dan menunjukkan perubahan turun naik yang ketara bukan sahaja untuk setiap tahun malah juga bagi setiap wilayah di dalam kawasan MADA. Keadaan ini sudah pasti akan mempengaruhi kesejahteraan hidup objektif petani. Namun tidak dapat dipastikan sama ada kesejahteraan hidup subjektif mereka turut mengalami perubahan.

Persoalan tentang kesejahteraan hidup banyak dibahaskan dan dikaji dalam kajian-kajian terdahulu dan ia dikaitkan dengan pelbagai aspek seperti fenomena politik, sikap, tindakan, kestabilan, optimis dalam jangkaan terhadap kehidupan masa depan, kepuasan terhadap kerajaan, kuasa dan penglibatan politik (Fred,1979). Perkataan kesejahteraan hidup itu sendiri membawa banyak maksud dan pengertian, selain dari mempunyai banyak kata sinonim. Veenhoven(2006) mengaitkan kesejahteraan hidup dengan kegembiraan. Kegembiraan pula didefinisikan sebagai sejauhmana seseorang itu menyukai akan kehidupan yang dilaluinya atau darjah di mana seseorang itu menilai keseluruhan kehidupannya secara positif. Beliau juga mengatakan, perkataan kesejahteraan hidup, kegembiraan, kualiti kehidupan, kepuasan hidup, kebajikan merupakan perkataan yang menerangkan konsep yang sama iaitu kehidupan yang baik. Namun kesejahteraan hidup tidak sama dengan kegembiraan walaupun kedua-dua istilah tersebut sering digunapakai secara bersama. Hakikatnya kesejahteraan hidup adalah kategori yang luas tentang fenomena termasuk respon emosi individu, bidang kepuasan, dan penilaian global terhadap kepuasan hidup (Diener et al. 1999). Renwick (2006) pula mendefinisikan kesejahteraan hidup sebagai suatu perkara yang menyebabkan seseorang merasa seronok, bahagia dan merasakan hidupnya bermakna.

Pada dasarnya kesejahteraan hidup merupakan satu konsep yang mudah untuk didefinisikan iaitu ia melihat kepada bagaimana 'baiknya' kehidupan seseorang, namun jika kita mengkaji dengan lebih mendalam, kita akan dapati betapa sukarnya untuk menentukan dan menjawab persoalan tentang bagaimana baik atau tidaknya kehidupan seseorang. Persoalan ini hanya boleh dijawab dengan mengkaji secara keseluruhan aspek kehidupan mereka kerana menurut Renwick (2006), kehidupan yang baik terhasil dari pelbagai aspek dan keadaan kehidupan yang saling bekerjasama dan berkaitan di dalam cara yang sangat kompleks. Norizan ( 2003) mengatakan kesejahteraan hidup subjektif dinilai berdasarkan kepuasan dan nikmat hidup yang dirasai oleh individu seperti berasa seronok dan bersyukur kerana mempunyai pekerjaan yang baik, anak-anak yang berjaya dan mempunyai keluarga yang bahagia. Beliau juga mengatakan bahawa kesejahteraan hidup merupakan kualiti hidup subjektif kerana ia adalah kemuncak kepada kepuasan dan kebaikan manusia.

Untuk tujuan kajian, penyelidik akan menggunakan indikator-indikator yang digunakan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu seperti DFID (1999), Norizan (2003), David Bell (2005), Salam (2009), dan Stiglitz (2009). Antara indikator tersebut adalah kesihatan, pendidikan, ekonomi dan perekitaran sosial. Kajian ini juga merupakan kajian lanjutan yang pernah dilakukan oleh penyelidik terhadap isu kesejahteraan hidup subjektif. Kajian ini menambahkan fokus kepada elemen bukan ekonomi dan melihat kesignifikannya terhadap kesejahteraan hidup subjektif petani, selain mengekalkan elemen ekonominya.

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat tahap kesejahteraan hidup petani di samping membentuk model kesejahteraan hidup subjektif petani di kawasan MADA di sekitar negeri Perlis dengan cara mengenalpasti elemen-elemen penting yang boleh menerangkan tentang kesejahteraan hidup subjektif mereka melalui analisis pengesahan faktor (CFA).

## **PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan tentang kesejahteraan hidup subjektif masyarakat petani bukanlah merupakan satu persoalan yang baru. Kepentingan meningkatkan kesejahteraan hidup subjektif kumpulan ini sama penting dengan kumpulan masyarakat yang lain. Buktinya, kerajaan telah melakukan pelbagai usaha sama ada dalam bentuk dasar mahupun program, yang bertujuan antara lainnya untuk meningkatkan kesejahteraan hidup mereka. Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA) merupakan antara bentuk

program terkini yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam menyokong sektor padi ini, selain projek-projek sedia ada seperti projek 10 tan, mini estet, estet padi dan ladang contoh. Selain itu, pelbagai subsidi dan bantuan turut disalurkan seperti subsidi baja dan racun rumpai, subsidi benih, bantuan pengairan serta bantuan-bantuan dalam bentuk program latihan dan pengembangan. Antara matlamatnya adalah untuk meningkatkan produktiviti, pendapatan dan seterusnya kesejahteraan hidup golongan petani. Namun, sejauhmanakah matlamat tersebut berjaya dicapai? Adakah kesejahteraan hidup mereka semata-mata bergantung kepada faktor-faktor tersebut atau terdapat lain-lain perkara yang turut mempengaruhi kesejahteraan hidup tersebut?

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan ke atas 347 orang petani yang dipilih secara rawak mudah di kawasan penanaman padi MADA sekitar negeri Perlis. Data primer yang diperolehi melalui temubual bersemuka antara penyelidik dan petani-petani serta data sekunder digunakan dalam kajian ini. Kajian akan menggunakan model persamaan berstruktur (SEM) dan AMOS 18.0 dalam menganalisis data dengan menggunakan penganggar Kebolehdajian Maksimum (maximum likelihood, MLE). Senarai dan definisi pembolehubah kajian boleh dirujuk di jadual 2.

## DAPATAN KAJIAN

Rajah 1 menunjukkan model analisis pengesahan faktor (CFA) bagi sub-konstruk SWB. Konstruk SWB merupakan konstruk peringkat susunan kedua yang terdiri dari empat sub-konstruk iaitu kesejahteraan ekonomi (ECON), kesejahteraan kesihatan (KES), kesejahteraan pendidikan (PEND) dan kesejahteraan sosial (SOC). Setiap sub-konstruk merupakan pembolehubah tidak tercerap dan diwakili oleh item-item yang tertentu. Sub-konstruk ECON diwakili oleh tiga item iaitu econ1, econ2 dan econ4. Manakala sub-konstruk KES diwakili oleh dua item iaitu kes1 dan kes2. Sub-konstruk PEND pula diwakili oleh tiga item iaitu pend1, pend2, dan pend4 dan sub-konstruk SOC diwakili oleh dua item iaitu soc1 dan soc3. Analisis tersebut dijalankan bertujuan untuk mengesahkan faktor-faktor milik SWB atau dalam ertikata lain mengesahkan elemen-elemen yang dapat menerangkan SWB dengan baik. Secara statistiknya model tersebut adalah baik kerana memenuhi kriteria yang ditetapkan iaitu, nilai kesepadanan model yang baik yang ditunjukkan oleh nilai nisbah  $\chi^2$ :darjah kebebasan 1.625 (<5), nilai-nilai indeks GFI, CFI, TLI dan IFI masing-masing adalah 0.976, 0.992, 0.987 dan 0.992 (>0.9) dan nilai RMSEA 0.042 (<0.085).

Jadual 3 menunjukkan analisis kesignifikanan setiap item terhadap sub-konstruk dan juga nilai setiap sub-konstruk terhadap konstruk utama dalam SWB. Berdasarkan jadual tersebut, semua laluan yang merupakan muatan faktor bagi setiap sub-konstruk kepada item masing-masing, adalah signifikan pada aras keertian kurang dari 1 peratus. Setelah model ini memenuhi kriteria statistik yang ditetapkan ia seterusnya bersedia untuk dimodelkan kepada konstruk utamanya iaitu konstruk kesejahteraan hidup subjektif (SWB). Rajah 2 menunjukkan model tersebut.

Rajah 2 menunjukkan SWB adalah konstruk utama, yang menjadi konstruk peringkat kedua yang dapat diwakili oleh empat sub-konstruk iaitu ECON, KES, PEND dan SOC. Kesemua sub-konstruk tersebut telah melalui ujian pengesahan faktor dan memenuhi syarat minimum yang ditetapkan. Semua nilai muatan faktor untuk konstruk peringkat kedua adalah tinggi dan melebihi nilai 0.6 yang disyaratkan. Nilai-nilai tersebut masing-masing adalah 0.86, 0.95, 0.97 dan 0.89. Ini bermaksud SWB muat dengan baik kepada semua sub-konstruk nya. Nilai-nilai  $R^2$  yang tinggi iaitu 0.74, 0.89, 0.95 dan 0.80 masing-masing yang menunjukkan sumbangan SWB terhadap keempat-empat sub-konstruk tersebut adalah baik.

Analisis laluan di jadual 4 menunjukkan kesan pengaruh SWB ke atas semua sub-konstruksinya adalah sangat signifikan. Jadual tersebut bukan sahaja menunjukkan analisis laluan antara konstruk utama SWB kepada sub-konstruksinya, malah juga analisis laluan antara setiap sub-konstruk kepada setiap item masing-masing. Secara keseluruhannya, model di rajah 2 tersebut juga menunjukkan nilai kesepadanan model yang baik bilamana semua indeks kesepadanan melebihi nilai minimum yang ditetapkan. Nilai nisbah  $\chi^2$ :darjah kebebasan 1.602 (<5), nilai-nilai indeks GFI, CFI, TLI dan IFI masing-masing adalah 0.975, 0.992, 0.987 dan 0.992 (>0.9) dan nilai RMSEA 0.042 (<0.085). Keadaan ini mengesahkan teori yang mengatakan kesejahteraan hidup subjektif terdiri dari empat sub-konstruk seperti yang dibincangkan di atas.

## INDEKS KESEJAHTERAAN HIDUP SUBJEKTIF

Jadual 5 menunjukkan nilai skor indeks kesejahteraan kesihatan adalah paling tinggi diikuti skor kesejahteraan sosial, ekonomi dan pendidikan. Ini bermaksud tahap kesejahteraan kesihatan petani MADA adalah tinggi dan sesuai dengan keperluan pekerjaan bersawah mereka. Kesejahteraan pendidikan memberikan skor yang paling rendah seperti yang dijangkakan kerana pekerjaan bersawah tidak memerlukan kelayakan pendidikan yang tinggi. Nilai skor keseluruhan 0.71 bermaksud tahap kepuasan yang direkodkan oleh responden dalam kajian di kawasan MADA ini mempunyai ciri-ciri berikut iaitu pertama, nilai purata bagi setiap kumpulan sub-konstruksi SWB dan nilai purata keseluruhan bagi indeks SWB petani MADA terletak dalam sektor 'puas hati' dalam kontinum 'tidak puas hati-puas hati'. Iaitu dalam skala 0 hingga 1, di mana 0 mewakili tidak puas hati sempurna dan 1 mewakili puas hati sempurna, nilai kepuasan hati individu yang normal terletak pada julat 0.5 hingga 1 (Cummins et al., 2002). Jika di lihat nilai skor bagi indeks kesejahteraan hidup petani MADA adalah antara 0.66 hingga 0.76 bagi sub-dimension manakala nilai skor purata keseluruhan petani adalah 0.71 dan ternyata nilai-nilai skor tersebut terletak dalam julat berkenaan. Dalam peringkat kumpulan petani MADA, nilai skor 0.71 itu bermaksud, secara keseluruhannya petani merasakan tahap kesejahteraan mereka adalah 71 peratus dari tahap maksimum

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian ini mendapati selain elemen ekonomi, elemen/faktor bukan ekonomi turut penting dalam menerangkan tentang SWB dan elemen tersebut adalah kesihatan, pendidikan dan sosial. Pendidikan merupakan elemen yang paling penting berdasarkan nilai muatan faktornya 0.95. Jika diperincikan dari sudut kesejahteraan ekonomi, SWB dapat diterangkan oleh kepuasan terhadap simpanan (econ1), kepuasan terhadap pemilikan (econ3) dan kepuasan terhadap pendapatan (econ4). Manakala dari sudut kesihatan pula, SWB dapat diterangkan oleh tahap kesihatan sendiri (kes1) dan tahap kesihatan pasangan (kes2). Pendidikan dapat mewakili SWB melalui tiga item iaitu tahap kepuasan terhadap pendidikan sendiri (pend1), tahap kepuasan terhadap pendidikan anak-anak (pend2), dan tahap kepuasan terhadap pendidikan keseluruhan (pend4). Sementara dari sudut sosial pula SWB dapat diterangkan oleh keperluan terhadap kelas agama (soc1) dan tahap kekerapan jenayah (soc3).

Dari segi ekonomi, dapat diperhatikan dari model bahawa kepuasan terhadap pemilikan lebih memberikan makna yang besar kepada SWB petani berbanding kepuasan terhadap simpanan dan pendapatan. Meskipun Frey & Stutzer (2002) mengatakan kedudukan ekonomi sebagai salah satu faktor kegembiraan namun, kajian ini membuktikan ia tidak sepenting kedudukan kesihatan dan pendidikan. Dari sudut kesihatan, petani lebih meletakkan keutamaan kepada kepuasan terhadap tahap kesihatan pasangan berbanding kesihatan sendiri dalam menerangkan SWB. Keperluan tugas yang berat di ladang memerlukan petani mendapat penjagaan yang baik di rumah dan keadaan ini akan dapat dicapai dengan memastikan kesihatan pasangan mereka adalah baik. Keadaan ini juga adalah bagi memastikan kerja-kerja mereka tidak terganggu oleh keadaan kesihatan pasangan. Patricia et al (2013) menyatakan kesihatan yang baik adalah faktor penting yang boleh digunakan dalam menerangkan tentang SWB.

Dari sudut pendidikan pula, petani meletakkan keutamaan kepada pendidikan diri sendiri berbanding pendidikan pasangan dan anak-anak dalam menerangkan tentang SWB mereka. Ini adalah kerana setiap petani terlibat secara langsung dalam kerja persawahan dan perlu mempunyai asas dan memahami ilmu-ilmu tertentu bagi tujuan tersebut. Walaupun demikian, pendidikan keseluruhan keluarga juga penting untuk keperluan dan kesejahteraan hidup masa kini dan juga masa akan datang. Clark et. al (2003) dan Clark & Oswald (1994) mengatakan pendidikan merupakan antara penentu kepada SWB. Pendidikan yang sempurna dan memuaskan boleh mendorong individu untuk mempunyai pekerjaan yang terjamin dan seterusnya matlamat kesejahteraan hidup yang tinggi akan mudah untuk dicapai.

Kesejahteraan sosial juga tidak kurang penting dalam soal kesejahteraan hidup subjektif. Meskipun kepentingannya tidak seperti kesihatan dan pendidikan, namun perkara ini perlu diberikan perhatian sewajarnya. Selain dari soal keselamatan, pengisian rohani juga penting dalam memberikan nilai kepada sebuah kehidupan. Penemuan ini selaras dengan penemuan oleh Norizan (2003). Antara lain, hasil kajian ini mengatakan kekerapan jenayah dan kesan jenayah juga dapat digunakan sebagai faktor yang boleh menerangkan tentang SWB. Kekerapan jenayah yang tinggi akan menyebabkan masyarakat merasa kurang selamat untuk berada di persekitaran mereka dan perasaan ini merupakan salah satu cara bagaimana SWB dinilai oleh penyelidik-penyelidik terdahulu seperti Renwick (2006).

Kajian ini berjaya membuktikan bahawa kesejahteraan hidup subjektif sememangnya merupakan satu konsep yang menyeluruh dan meliputi semua aspek kehidupan individu sama ada aspek ekonomi, kesihatan, pendidikan dan juga aspek sosial yang berkaitan dengan hubungan dengan sesama individu dan masyarakat setempat. Hasil kajian ini adalah selaras dengan kajian oleh Renwick (2006) yang mengatakan kesejahteraan hidup subjektif terhasil dari pelbagai aspek dan keadaan hidup yang saling bekerjasama dan berkaitan di dalam cara yang sangat kompleks.

Dari segi tahap kesejahteraan hidup subjektif, nilai skor indeks menunjukkan kedudukan kesejahteraan hidup subjektif petani adalah pada tahap yang tinggi dan memuaskan. Ini bermaksud, meskipun berada di persekitaran pekerjaan yang agak terpinggir namun sebahagian besar petani dapat menikmati tahap kesejahteraan hidup sepertimana yang digariskan dalam setiap dasar pembangunan yang dilaksanakan.

Kajian ini hanya terhad kepada mengenalpasti dan mengesahkan faktor-faktor yang boleh menerangkan tentang kesejahteraan hidup subjektif petani di kawasan kajian sahaja iaitu kawasan penanaman padi MADA di negeri Perlis. Kajian selanjutnya akan cuba mengupas faktor-faktor yang boleh mempengaruhi tahap kesejahteraan hidup subjektif petani secara keseluruhan. Kajian sedemikian adalah perlu dalam usaha kita untuk mencapai matlamat negara maju berasaskan perindustrian pada tahun 2020 nanti. Kegagalan kita untuk mengupas persoalan tentang kesejahteraan hidup subjektif ini akan sekurang-kurangnya melambatkan, jika tidak menghalang pencapaian matlamat negara maju dalam tempoh enam tahun dari sekarang. Meskipun usaha untuk meningkatkan kesejahteraan hidup subjektif ini bukan suatu usaha yang mudah namun, ia perlu diteruskan memandangkan ia merupakan salah satu cabaran yang perlu dihadapi dalam perjalanan Malaysia mencapai status Negara Maju pada tahun 2020 nanti.

## PENUTUP

Kesejahteraan hidup subjektif terbukti merupakan satu konsep yang luas dan menyeluruh yang menyentuh pelbagai aspek dalam kehidupan seseorang. Ia meliputi elemen ekonomi dan bukan ekonomi, kepuasan terhadap diri sendiri, ahli keluarga dan hubungan sesama masyarakat setempat. Kegagalan dalam mana-mana dari elemen tersebut akan mengganggu kesejahteraan hidup subjektif secara keseluruhan. Dalam usaha kerajaan ingin meningkatkan kesejahteraan hidup subjektif masyarakat, pelbagai perkara perlu diberikan perhatian dan ini merupakan antara cabaran yang perlu dihadapi dalam usaha untuk mencapai matlamat menjadi Negara Maju menjelang tahun 2020.

## RUJUKAN

### Artikel

- Andre van Hoorn (2007). *A Short Introduction To Subjective Well-Being: Its Measurement, Correlates and Policy Uses*. Conference Paper. Centre for Economic and International Studies (CEIS), the Joint Research Centre of The European Commission and the Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD).
- Clark, A.E., & Oswald, A.J. (1994). *Unhappiness and unemployment*. *Economic Journal*, 104, 648-659.
- Diener, E. (2009). *Subjective well-being*. *The Science of Well-Being*, 11-58.
- Fabrice Nimpagartise and David Culver. *A Broader Perspective of Measuring The Well-Being of Rural Farm and Non-farm Households*. Agriculture and Agri-food Canada.
- Fray B.S & Stutzer A. (2002). *The Economic of Happiness*. *Economists' Reluctance and a New Development*. *World Economic*. Vol. 3, no 1
- Fred M. Hayward (1979). *Perception on Well-being in Ghana 1970 and 1975*. *African Studies Reviews*. Vol 22, no 1 (April 1979). Pp 109-125.
- Mohd Shaladdin, Wan Abdul Aziz dan Nik Wan. (2006). *Analisis Kesejahteraan Hidup Nelayan Pesisir*. *Jurnal Kemanusiaan*. Vol. 08 pp. 58-77
- Norizan Abdul Ghani (2003). *Kualiti Hidup Penduduk Pulau Negeri Terengganu: Satu Kajian Di Pulau Redang dan Pulau Perhentian*. PHD Tesis.
- Rabobank (2011). *It's More Than The Economy, Stupid! It's all about Well-being*. Economic Research Department. The Netherlands.
- Renato Villano dan Euan Fleming (2006). *Technical Inefficiency and Production Risk in Rice Farming: Evidence from Central Luzon Philippines*. *Asian Economic Journal*. Vol. 20 No. 1, 29-46.
- Renwick, R., (2006). *The Quality life model*. <http://www.utoronto.ca/qol/concepts.htm>, pada 8/4/2012

- Robert A. Cummins, Richard Eckersley, Julie Pallant, Jackie Van Vugt and Roseanne Misajon.(2002). *Developing A National Index of Subjective Wellbeing: The Australian Unity Wellbeing Index*. Social Indicators Research. Vol 64 pp. 159–190.
- Salam SAAB (2009). *Sustainable Livelihood Approach in Rural Development*. Economic And Sosial Commission for Western Asia (ESCWA).
- Stiglitz, J.E., A. Sen and J. Fitoussi (2009). *Report by The Commission On The Measurement on Economic Performance and Sosial Progress*. Paris: The Commission On Economic and Sosial Progress.
- Veenhoven R. (2006). *How Do We Assess How Happy We are? Tenets, Implications and Tenability of Three Theories*. Paper conference on ‘New Directions in the Study of Happiness: United States and International Perspectives’, University of Notre Dame, USA, October 22-24.

**Prosiding Persidangan**

Azizah Md. Yusof, Jamal Ali dan Roslina Kamarudin (2013). *Kesejahteraan Hidup: Kajian Petani di Kawasan Penanaman Padi di Negeri Perlis*. Prosiding PERKEM VIII, Jilid 3. 1177 - 1 ISSN: 2231-962X

**Buku**

Perangkaan MADA 2013. Bahagian Perancangan dan Teknologi Maklumat MADA Ampang Jajar, Kedah.

JADUAL 1: Peratus Perubahan Hasil Padi Kasar (Kg/Ha) Mengikut Wilayah MADA Bagi Tahun 2000 hingga 2013

Wilayah	2002	2003	2004	2005*	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013
1	11.19	-1.40	5.37	-16.78	13.92	9.84	5.01	-3.68	-2.70	0.58	1.61	1.37
2	9.73	-1.68	5.52	-18.01	25.51	-5.88	9.83	-1.06	-2.26	2.81	-2.72	4.75
3	5.56	2.07	-4.10	-3.63	7.08	-3.58	11.96	-0.93	-0.11	3.34	-9.13	2.63
4	7.77	0.65	2.34	-10.27	14.33	-1.56	7.21	-2.03	4.07	0.34	-5.63	3.68

\* peratusan perubahan hasil padi tahun 2005 bernilai negatif dan sangat rendah disebabkan kejadian banjir

Sumber: Perangkaan MADA 2013

JADUAL 2: Senarai dan Definisi Pembolehubah

	Deskripsi Pembolehubah /item	Simbol
Kesejahteraan hidup subjektif (SWB)	Kesejahteraan Ekonomi	ECON
	Kepuasan terhadap simpanan	econ1
	Kepuasan terhadap pemilikan	econ2
	Kepuasan terhadap perbelanjaan	econ3
	Kepuasan terhadap pendapatan	econ4
	Kesejahteraan Kesihatan	KES
	Kepuasan terhadap kesihatan sendiri	kes1
	Kepuasan terhadap kesihatan pasangan	kes2
	Kepuasan terhadap kesihatan anak-anak	kes3
	Kepuasan terhadap kesihatan keseluruhan	kes4
	Kesejahteraan Pendidikan	PEND
	Kepuasan terhadap pendidikan sendiri	pend1
	Kepuasan terhadap pendidikan pasangan	pend2
	Kepuasan terhadap pendidikan anak-anak	pend3
	Kepuasan terhadap Pendidikan keseluruhan	pend4
	Kesejahteraan Sosial	SOC
Keperluan kepada kelas agama	soc1	
Kesan jenayah	soc2	

	Tahap Kekerapan Jenayah Kebebasan melakukan ibadah	soc3 soc4
--	--	--------------

JADUAL 3: Analisis Laluan dan Kesignifikanan Item dan Sub-konstruk SWB


Pembolehubah dan laluan			penganggar	Ralat piawai	C.R.	P	Label
econ4	< ---	ECON	1.000				
econ1	< ---	ECON	1.263	.080	15.847	***	Signifikan
kes2	< ---	KES	1.000				
pend4	< ---	PEND	1.000				
pend2	< ---	PEND	1.243	.087	14.354	***	Signifikan
pend1	< ---	PEND	1.201	.079	15.227	***	Signifikan
soc3	< ---	SOC	1.000				
soc1	< ---	SOC	1.026	.106	9.720	***	Signifikan
econ2	< ---	ECON	1.337	.083	16.078	***	Signifikan
kes1	< ---	KES	1.036	.070	14.800	***	Signifikan

\*\*\* menunjukkan pembolehubah signifikan pada p kurang dari 1 peratus

JADUAL 4: Analisis Laluan dan Kesignifikanan pembolehubah untuk rajah 2


laluan			penganggar	Ralat piawai	C.R.	P	ulasan
ECON	<---	SWB	1.000				
SOC	<---	SWB	1.204	.124	9.745	***	signifikan
KES	<---	SWB	1.487	.123	12.109	***	Signifikan
PEND	<---	SWB	1.514	.135	11.207	***	Signifikan
econ4	<---	ECON	1.000				
econ1	<---	ECON	1.268	.080	15.805	***	Signifikan
kes2	<---	KES	1.000				
pend4	<---	PEND	1.000				
pend2	<---	PEND	1.240	.087	14.313	***	Signifikan
pend1	<---	PEND	1.203	.079	15.222	***	Signifikan
soc3	<---	SOC	1.000				
soc1	<---	SOC	1.052	.109	9.679	***	Signifikan
econ2	<---	ECON	1.342	.084	16.045	***	Signifikan
kes1	<---	KES	1.044	.071	14.770	***	signifikan

\*\*\* menunjukkan pembolehubah signifikan pada p kurang dari 1 peratus



RAJAH 1: Model Analisis Pengesahan Faktor Sub-Konstruk Kesejahteraan Hidup Subjektif Petani MADA





RAJAH 2: Model Analisis Pengesahan Faktor Konstruk Utama Kesejahteraan Hidup Subjektif Petani MADA

JADUAL 5: Indeks Kesejahteraan Hidup Subjektif Petani MADA

indeks	ekonomi	kesihatan	pendidikan	sosial	individu
0.00-.259	11	1	10	1	0
0.26-.509	73	28	72	22	44
0.51-.759	131	112	146	151	160
0.76-1.00	132	206	119	173	143
<b>purata</b>	0.67	0.76	0.66	0.75	<b>0.71</b>